

## **PERLAKSANAAN AMANAH DALAM NASKHAH *SULALATUS SALATIN***

**Salihahs Razak, Arba'ie Sujud, Salmah Jan Noor Muhammad & Adi Yasran**  
**Abdul Aziz**  
salihahs.razak@yahoo.com  
Universiti Putra Malaysia

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan menilai tahap perlaksanaan amanah dalam naskhah *Sulalatus Salatin* berpandukan peruntukan hukum Islam yang berpaksikan al-Quran dan Hadis. Amanah merupakan satu tanggungjawab yang diberi untuk dilaksanakan oleh penerima amanah. Hal ini kerana, penerima amanah merupakan individu maupun kelompok yang dipilih dan dipercayai untuk melaksanakan amanah tersebut. Dalam hal ini, konsep amanah dapat memberi ruang kepada penerima amanah untuk menunaikan impian, hasrat dan harapan pemberi amanah. Bertitik tolak dari kepentingan tersebut, penulisan ini bertujuan mengenal pasti perlaksanaan amanah dalam naskhah *Sulalatus Salatin* sama ada dilaksanakan atau sebaliknya. Hasil perbincangan mendapat bahawa terdapat tiga jenis pemberian amanah dalam naskhah *Sulalatus Salatin* iaitu pemberian amanah raja kepada pembesar, pemberian amanah raja kepada bakal pengganti raja dan pemberian amanah pembesar kepada raja. Berdasarkan dapatan tersebut, hasil menunjukkan bahawa kewajipan terhadap pelaksanaan amanah yang diperuntukkan dalam hukum Islam tidak dilaksanakan sepenuhnya dalam naskhah *Sulalatus Salatin*.

**Kata Kunci:** Perlaksanaan, Dilaksanakan, Tidak Dilaksanakan, Pemberian Amanah, al-Quran, Hadis, naskhah *Sulalatus Salatin*

## **IMPLEMENTATION OF TRUST IN THE TEXT OF SULALATUS SALATIN**

### **ABSTRACT**

*The study aims to evaluate the level of implementation of trust in the text of Sulalatus Salatin in accordance with the provisions of Islamic law based on the Quran and Hadith. Trust is a responsibility given for executing trustees. This is because, the trustee is the individual or group chosen and trusted to carry out the trust. In this case, the concept of trust can give the trustee the opportunity to fulfill the dream, the wishes and hopes of the trustee. In essence, the writing is aimed at identifying the implementation of trust in Sulalatus Salatin's texts whether implemented or conversely. The result of the discussion found that there were three types of trust in the text of Sulalatus Salatin, namely the granting of the ruler trust to the magnifier, granting of the ruler trust to the will substitute ruler and granting of the magnifier trust to the ruler. Based on these findings, results show that the obligation on the implementation of the trust provided in Islamic law is not fully implemented in the text of Sulalatus Salatin.*

**Keywords:** Implementation, Implemented, Not Implemented, Granting Trust, Quran, Hadith, Sulalatus Salatin

### **PENGENALAN**

Amanah berasal dari kata Bahasa Arab yang bermaksud jujur atau dapat dipercayai serta merupakan salah satu sifat para Nabi dan Rasul. Dalam hal ini, amanah dapat digolongkan dalam empat bentuk iaitu memeliharatitipan orang dan mengembalikannya semula, menjaga rahsia, tidak menyalahgunakan kuasa dan menunaikan kewajipan dengan sebaiknya. Menurut Andi Mohamad Zulkhairi Muhamad (2015: 1) amanah merupakan perkara penting untuk menentukan masa hadapan masyarakat, di samping menjadi penentu kepada keberlangsungan sesuatu pengurusan. Hal ini kerana, sesebuah pengurusan memerlukan kawalan agar tidak dicemari dengan unsur khianat terhadap amanah yang diberikan. Oleh hal demikian, amanah merupakan tanggungjawab manusia terhadap agamanya dalam menjaga perhubungan sesama manusia terutama yang melibatkan pemberi dan penerima amanah. Mohammad Iqbal Ghazali ed. (2009: 1) berpendapat bahawa amanah dan janji menggabungkan tanggungjawab yang dipikul manusia terhadap agama, dunia, ucapan dan perbuatan. Selain itu, amanah melibatkan pergaulan dengan manusia dan perjanjian yang kesudahannya perlu dijaga serta dilaksanakan.

Dalam soal pelaksanaan amanah, perkara tersebut berkait rapat dengan sikap dan perbuatan manusia sama ada jujur atau sebaliknya. Manusia jujur akan berusaha menunaikan amanah yang diterima, manakala manusia yang tidak jujur memandang ringan terhadap pemberian amanah tersebut sehingga pada tahap

mengabaikannya. Dalam hal ini, Sitiba Darwis (2013: 2) berpendapat bahawa amanah sangat dikaitkan dengan akhlak seperti kejujuran, kesabaran atau keberanian kerana untuk menjalankan sesebuah amanah, sifat sedemikian sangat diperlukan. Oleh hal demikian, perihal berkaitan amanah sememangnya ditekankan dalam Islam sebagaimana petikan Hadis yang berikut:

*Tiada iman pada orang yang tidak menunaikan amanah dan tiada agama pada orang yang tidak menunaikan janji.*  
(Ahmad dan Ibnu Hibban)

Justeru, amanah dijadikan pengukur tahap keimanan seseorang terhadap agamanya sama ada amanah tersebut daripada Allah S.W.T atau amanah sesama manusia. Dalam hal ini, Badruddin Ibrahim (2009: 125) menjelaskan bahawa amanah adalah satu tanggungjawab dan kewajipan agama yang mesti dipelihara dan dijaga, sama ada tanggungjawab tersebut datang dari Allah S.W.T atau tanggungjawab sesamamanusia.

Dalam meneliti tahap perlaksanaan amanah dalam masyarakat Melayu tradisi, perbincangan ini menggunakan naskhah *Sulalatus Salatin* (seterusnya SS) yang memberi gambaran tentang kehidupan masyarakat Melayu Melaka. Dalam naskhah tersebut, pengarang memberi gambaran mengenai kedatangan Islam ke Melaka ketika era pemerintahan Sultan Muhammad Syah. Kedatangan Islam telah mempengaruhi corak pemerintahan kerajaan Melayu Melaka sehingga diwarisi oleh pentadbiran raja-raja yang seterusnya. Menurut Musa Awang (2015: 57) kedatangan Islam bukan sahaja mengubah sosiobudaya dan pemikiran masyarakat Melayu, malah turut merubah sistem pentadbiran dan perundungan kerajaan Melayu. Justeru, kemunculan Islam menjadi tunjang pada pemerintahan beragama di Melaka yang berpaksikan hukum Allah. Sesuai dengan hal tersebut, pemberian amanah dalam naskhah SS dikesan lebih menekankan hukum Islam yang berpaksikan al-Quran dan Hadis.

## **SOROTAN LITERATUR**

Dalam bahagian ini, perbincangan tertumpu padasejumlah kajian dan tulisan ilmiah yang berkaitan dengan amanah dalam naskhah yang dikaji. Pengamatan berkaitan amanah meneliti tulisan Zainal Abidin Borhan bertajuk “Waad, Wasiat dan Nasihat dalam *Sulalat al-Salatin*: Iktibar untuk Kepimpinan Melayu” pada tahun 2014. Tulisan beliau ini tertumpu pada soal pemimpin dan kepimpinan Melayu untuk memperlihatkan ide dan ideologi yang diungkap melalui waad, wasiat dan nasihat dalam naskhah SS. Zainal Abidin mengulas mengenai kewibawaan raja melalui konsep pegangan amanah dari Allah S.W.T. melalui saluran wasiat. Dalam naskhah SS, wasiat dikesan melalui pemberian wasiat oleh Sultan Mansur Syah, Sultan Alau’d-Din Riayat Syah dan Bendahara Tun Perak yang dilihat megandungi unsur-unsur nasihat. Bagi Zainal Abidin, wasiat tersebut yang memberi nasihat

mengenai aspek kepimpinan raja adalah amanah kepada pemerintah untuk memakmurkan bumi melalui sahsiah, perilaku dan keperibadian raja dalam melaksanakan amanah yang diberikan. Sehubungan itu, ide dan ideologi dalam soal waad, wasiat dan nasihat bagi Zainal Abidin tertumpu pada soal kekuasaan mutlak raja dan kesetiaan mutlak rakyat yang berpaksikan pada agama Islam.

Selain itu, tulisan Nik Zamry berjudul “Unsur Wasiat dalam *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*” pada tahun 2011 tertumpu pada kandungan naskhah yang menggarap soal wasiat yang diberikan oleh pemimpin. Dalam hal ini, Nik Zamry mengungkap bahawa wasiat dalam konteks naskhah SS adalah tertumpu pada kata-kata yang berbentuk nasihat, pesanan dan amanah. Beliau telah menyenaraikan sebanyak tujuh tokoh yang telah memberikan wasiat dalam naskhah SS iaitu wasiat Sultan Maliku’s-Salleh, Sultan Maliku’t-Tahir, Seri Nara Diraja Tun Ali, Sultan Mansur Syah, Sultan Alau’d-Din Riayat Syah, Bendahara Paduka Raja Tun Perak dan Sultan Mahmud Syah.

Seterusnya, tulisan Norazimah Zakaria berjudul “*Sejarah Melayu*: Sebuah Genre Sintesis yang Baik bagi Memenuhi Tuntutan Moral Islam dan Aspek Pengawalan Politik” pada tahun 2005 menyentuh berkenaan istilah “wasiat” yang digunakan dalam naskhah SS. Wasiat yang diberikan oleh raja Melaka menurut Norazimah Zakaria adalah berbentuk pesanan yang dipenuhi oleh unsur-unsur keagamaan dalam pembentukan akhlak yang baik. Selain itu, wasiat merupakan satu tanggungjawab berat yang akan dihisab oleh Allah S.W.T. Dalam hal ini, matlamat bagi kedudukan seseorang raja adalah melaksanakan tanggungjawab yang diberikan dengan penuh keadilan dan kesabaran.

Oleh hal demikian, kajian-kajian tersebut cenderung memperakukan wujudnya pemberian amanah yang disebut sebagai ‘wasiat’ dalam naskhah SS. Bertitik tolak dari perihal tersebut, timbul persoalan sejauhmana amanah yang diberikan dilaksanakan oleh penerima amanah sebagaimana perbincangan yang akan dijalankan dalam penulisan ini.

## **PERBINCANGAN**

Pelaksanaan amanah akan mencapai tahap menepati hukum Islam sebagaimana yang diperuntukkan dalam al-Quran mahupun Hadis sekiranya penerima amanah menunaikan hasrat dan harapan pemberi amanah. Hal ini kerana, amanah yang diberikan kebiasaannya mendatangkan manfaat dan kebaikan kepada diri, agama dan sesuatu bangsa. Oleh itu, masyarakat perlu menjaga amanah yang diberikan sama ada amanah terhadap Allah S.W.T atau amanah terhadap manusia. Dalam hal ini, contoh menjaga amanah dalam hak Allah S.W.T adalah dengan mematuhi perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Manakala, menjaga amanah bagi hak manusia pula adalah melakukan perkara yang mendatangkan manfaat di dunia dan di akhirat sebagaimana kemahuan pemberi amanah.

Lazimnya, pemberi amanah akan menyampaikan hasratnya kepada individu atau kelompok yang dipercayai dengan pemilihan berdasarkan kelayakan yang

sewajarnya. Dalam hal ini, Islam turut menyarankan agar amanah diberikan kepada individu yang layak serta menunjukkan aspek keadilan dalam pemberian amanah seperti maksud petikan surah An-Nisa' ayat 58 yang berikut:

*Sungguh, Allah menyuruhmu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia hendaknya kamu menetapkannya dengan adil.*


(Al-Quran Terjemahan, 2011: 87)

Petikan ayat al-Quran tersebut menggambarkan peruntukan hukum Islam terhadap pemberian amanah agar memberikannya kepada individu yang dipercayai dan memiliki sikap bertanggungjawab. Hal ini bertujuan memastikan tidak wujud soal pengabaian dalam pelaksanaan amanah tersebut serta mengelakkan timbulnya permasalahan terutama setelah ketiadaan pemberi amanah.

Sesuai dengan kepercayaan terhadap penerima amanah, individu tersebut dipilih berdasarkan sifat-sifat amanah yang ditunjukkan seperti adil, jujur dan ikhlas kerana sifat tersebut merupakan sikap yang mulia. Menurut Haron Din et. al. (1997: 71) setiap individu perlu memiliki sifat amanah kerana amanah merupakan sifat mulia yang boleh digunakan untuk menghadapi perjuangan hidup demi mencapai matlamat yang diharapkan serta bertujuan mencapai cita-cita yang diazamkan. Masyarakat tidak akan dapat dibina dengan kekuuhan melainkan hanya di atas asas-asas yang kukuh dan tetap, antaranya asas amanah. Dengan jelas kita dapat menyaksikan perbezaan antara dua jenis manusia pertama yang amanah atau *al-amin* dan kedua yang khianat atau *al-kha'in*. Orang yang amanah akan menjadi tempat kepercayaan dan penghormatan orang ramai, sebaliknya orang khianat pula menjadi tumpuan kemarahan dan kehinaan. Justeru, hakikat tersebut menguatkan lagi dasar pemilihan penerima amanah dari segi sifat yang dimilikinya sebagai individu yang bertanggungjawab menunaikan amanah yang diberikan agar terhindar dari sifat khianat.

Bagi membincangkan aspek perlaksanaan amanah dalam naskhah SS, kajian mendapati terdapat tiga pemberian amanah dalam naskhah SS iaitu pemberian amanah daripada raja kepada pembesar, pemberian amanah daripada raja kepada bakal pengganti raja dan pemberian amanah daripada pembesar kepada raja. Berikut adalah rajah 1 yang menunjukkan jenis amanah yang terdapat dalam naskhah SS.

**Rajah 1:** Jenis Amanah dalam Naskahah *Sulalatus Salatin*



Rajah 1 menunjukkan tiga jenis pemberian amanah yang terdapat dalam naskhah SS iaitu amanah raja kepada pembesar, amanah raja kepada bakal pengganti raja dan amanah pembesar kepada raja. Justeru, analisis perbincangan menyentuh perlaksanaan bagi ketiga-tiga jenis amanah tersebut sama ada dilaksanakan atau tidak dilaksanakan dalam naskhah SS.

### **Pemberian Amanah Raja kepada Pembesar**

Dasar pentadbiran beraja yang dimulai oleh masyarakat Melayu tradisi menggunakan sistem kemutlakan kuasa raja sebagai ketua dalam seluruh aspek kepimpinan. Nazri Muslim (2013: 76) menjelaskan bahawa pemerintahan beraja telah sedia wujud dalam sistem sosial di negeri-negeri Melayu sejak berabad lamanya. Sistem beraja tersebut menegaskan bahawa raja mempunyai kuasa mutlak dalam setiap pemerintahan dan pentadbiran negeri. Dengan kuasa tersebut, raja boleh menggunakan kuasa veto yang dimiliki untuk menentukan sebarang keputusan dan tindakan termasuk dalam soal pemberian amanah. Justeru, raja adalah golongan yang bertanggungjawab memberi amanah dan dalam konteks perbincangan ini, raja telah memberikan amanah kepada pembesar.

Golongan pembesar menjadi tunggak pada kegemilangan kerajaan Melayu sehingga ke peringkat antarabangsa. Muhammad Yusoff Hashim (1996: 11) menjelaskan bahawa para pembesar banyak memberi sumbangan terhadap pembentukan dan kegemilangan kerajaannya. Kebanyakan urusan kerajaan dilakukan oleh pembesar dengan mengikut titah perintah raja. Antara urusan yang dijalankan adalah melibatkan urusan diplomatik, aktiviti pertahanan dan peperangan, keagamaan, adat dan budaya serta aspek perundangan. Tugas yang dijalankan tersebut dilihat sebagai pengganti raja apabila pembesar menjadi perantara dalam merealisasikan tugas seorang pemimpin. Dalam konteks perbincangan ini, pembesar bertanggungjawab melaksanakan amanah yang telah diberikan oleh raja.

Sehubungan itu, kajian mendapati bahawa amanah raja kepada pembesar telah diberikan oleh raja Melaka iaitu Sultan Mansur Syah dan Sultan Alau'd-Din Riayat Syah. Tradisi pemberian amanah tersebut dikesan dimulakan oleh Sultan Mansur Syah apabila baginda memanggil para pembesar datang mengadap bertujuan menyampaikan amanah seperti yang dibuktikan dalam petikan naskhah SS yang berikut.

*...maka baginda pun menyuruh memanggil anakanda baginda, Raja Ahmad, timang-timangannya Raja Hussain; dan Bendahara Paduka Raja, dan segala Orang Besar-besar sekalian, datang berkampung...*

(Sulalatus Salatin, 2008: 171)

Petikan membuktikan tindakan Sultan Mansur Syah yang telah memanggil pembesar untuk menyampaikan amanah sebelum kemangkatan baginda.

Dalam hubungan ini, setelah semua yang dipanggil berkumpul, Sultan Mansur Syah telah menyampaikan amanah kepada para pembesar Melaka seperti petikan naskhah yang berikut.

*...Maka titah Sultan Mansur Syah pada sekalian mereka itu, "Ketahui olehmu sekalian, bahawa dunia ini telah lepaslah rasanya daripada genggamanku; melainkan negeri akhiratlah penghadapanku. Adapun petaruhkulah pada Bendahara dan segala Orang Kaya-kaya sekalian, anak kita Ahmad ialah ganti kita pada tuan-tuan sekalian. Jikalau barang sesuatu salahnya, hendaklah dimaafkan oleh tuan-tuan sekalian, kerana ia budak yang bebal, tiada tau istiadat."*

(*Sulalatus Salatin*, 2008: 171)

Berdasarkan petikan tersebut, Sultan Mansur Syah telah mengamanahkan agar pembesar Melaka menabalkan anakanda baginda Raja Ahmad (Raja Hussain) sebagai raja Melaka yang baru setelah kemangkatan baginda. Memandangkan pada ketika itu Raja Ahmad masih kanak-kanak dan belum matang untuk mengenali adat istiadat Melayu, baginda menasihati supaya Bendahara serta para pembesar Melayu yang lain memaafkan Raja Ahmad sekiranya didapati melakukan kesalahan. Oleh itu, amanah yang diberikan adalah tanggungjawab untuk memastikan kelangsungan kepimpinan negeri Melaka agar diserahkan kepada mereka yang layak untuk mengelakkan berlakunya perebutan kuasa.

Merujuk amanah Sultan Mansur Syah yang berpesan agar Raja Hussain ditabalkan sebagai raja, kajian mendapati berlaku pelaksanaan amanah tersebut dalam naskhah SS. Peristiwa perlaksanaan amanah tersebut digambarkan dalam petikan naskhah yang berikut:

*Hatta selang beberapa hari, maka Sultan Mansur Syah pun mangatlah; berpindah dari negeri yang fana ke negeri yang baqa...*

*...Maka dikerjakan oranglah seperti adat raja-raja yang telah lalu; maka Raja Hussain lah kerajaan, gelar baginda di atas kerajaan Sultan Alau-d-Din Riayat Syah...*

(*Sulalatus Salatin*, 2008: 172-173)

Berdasarkan petikan, kajian mendapati bahawa amanah yang diperuntukkan telah dilaksanakan apabila Raja Ahmad(Raja Hussain) telah ditabalkan menjadi raja Melaka dengan membawa gelaran Sultan Alau'din Riayat Syah. Dalam hal ini, Syed Ahmad Syed Kasim et. al. (2012: 34) menjelaskan bahawasetelah Sultan Mansur Syah mangkat, anakanda baginda Raja Hussain ditabalkan menjadi sultan Melaka yang ketujuh dengan gelaran Sultan Alau'-Din Riayat Syah. Pada ketika itu, baginda masih muda dan terkenal dengan kegagahan serta keberaniannya. Pemerintahan baginda dibantu oleh Bendahara Tun Perak dan pahlawan-pahlawan gagah berani yang terdiri daripada Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang

Lekir dan Hang Lekiu. Justeru, pemerintahan Sultan Alau'd-Din Riayat Syah banyak dibantu oleh pembesar Melaka sebagai individu yang bertanggungjawab menjaga kebijakan baginda. Situasi tersebut secara tidak langsung menunjukkan bahawa amanah Sultan Mansur Syah berhubung dengan kelangsungan pemimpin kerajaan Melaka telah dilaksanakan oleh pembesar.

Selanjutnya, tradisi pemberian amanah ini telah diteruskan oleh Sultan Alau'd-Din Riayat Syah yang berkesinambungan daripada amanah Sultan Mansur Syah kepada para pembesar. Amanah tersebut dilihat sama dari segi idea dan ideologinya sebagaimana amanah Sultan Mansur Syah kepada Sultan Alau'd-Din Riayat Syah (Zainal Abidin Borhan, 2014: 124). Amanah daripada Sultan Alau'din Riayat Syah itu ditujukan kepada para pembesar agar menjadikan anakanda baginda Raja Mamad sebagai sultan Melaka untuk menggantikan baginda serta berpesan agar menjaga anakanda baginda yang masih kanak-kanak.

*...Adapun jikalau sudah kita mati, bahawa anak kita Si Mamad **lah** rajakan oleh Bendahara dengan segala Orang Kaya-kaya sekalian akan ganti kita; bahawa anak kita Si Mamad **lah** rajakan oleh Bendahara dengan segala Orang Kaya-kaya sekalian akan ganti kita; **hendaklah** sangat-sangat pelihara kamu akan dia, kerana ia kanak-kanak. Seperti mana kasih tuan-tuan semua akan kita, demikianlah kasih tuan hamba sekalian akan dia...*

(Sulalatus Salatin, 2008: 186)

Merujuk petikan SS tersebut, amanah yang berbentuk pesanan daripada Sultan Mansur Syah dilihat berdasarkan penekanan partikel -lah yang dikenali sebagai kata penegas. Kata penegas ialah kata yang digunakan untuk memberi penekanan atau menegaskan bahagian-bahagian tertentu dalam ayat yang dikesan berdasarkan ayat 1 dan ayat 2 di bawah.

Ayat 1: Anak kita **Si Mamad lah** rajakan oleh Bendahara dengan segala Orang Kaya-kaya sekalian akan ganti kita

Ayat 2: **Hendaklah** sangat-sangat pelihara kamu akan dia, kerana ia kanak-kanak  
Oleh itu, penekanan dalam ayat-ayat tersebut menggambarkan amanah Sultan Alau'd-Din Riayat Syah kepada pembesar yang berkaitan dengan kelangsungan kepimpinan raja Melaka. Sultan Alau'd-Din Riayat Syah mengamanahkan agar pembesar menabalkan anakanda Raja Mamad sebagai raja Melaka menggantikan baginda. Selain itu, baginda berpesan kepada para pembesar agar menjaga Raja Mamad dengan sebaiknya disebabkan oleh faktor usianya yang masih di peringkat kanak-kanak.

Dari segi pelaksanaan pemberian amanah tersebut, kajian mendapati bahawa amanah Sultan Alau'd-Din Riayat Syah yang menginginkan agar Raja Mamad ditabalkan sebagai raja Melaka telah dilaksanakan dalam naskhah SS seperti petikan naskhah yang berikut:

*...Setelah itu maka Sultan Alau'd-Din pun mangkat; maka ditanamkan oranglah seperti adat...*

*...maka anakanda baginda Raja Mamadlah kerajaan menggantikan kerajaan ayahanda. Gelar baginda di atas kerajaan Sultan Mahmud Syah...*

(*Sulalatus Salatin*, 2008: 187)

Petikan naskhah SS tersebut membuktikan bahawa Raja Mamad telah ditabalkan sebagai sultan Melaka dengan membawagelaran Sultan Mahmud Syah. Dalam hal ini, Syed Ahmad Syed Kasim et. al. (2012: 34) menjelaskan bahawa setelah Sultan Alau'd-Din Riayat Syah mangkat, Sultan Mahmud telah ditabalkan menjadi sultan Melaka pada tahun tersebut. Sehubungan itu, dapat dirumuskan bahawa dengan pertabalan Sultan Mahmud Syah sebagai raja Melaka membuktikan bahawa pemberian amanah daripada raja telah dilaksanakan oleh pembesar dalam naskhah SS.

Dalam konteks perbincangan ini, Sultan Mansur Syah dan Sultan Alau'd-Din Riayat Syah telah memilih para pembesar Melaka untuk melaksanakan amanah. Pemilihan para pembesar dianggap menepati syarat-syarat penerima amanah seperti beragama Islam, jujur, berkelayakan dan berkemampuan untuk melaksanakan amanah yang diberikan. Tambahan pula, pembesar bukan dari golongan biasa kerana telah menjadi orang kepercayaan dalam menguruskan sebarang pekerjaan terutama berkaitan dengan urusan pentadbiran negeri. Situasi ini dijelaskan oleh Haron Din et. al. (1997: 71) bahawa untuk mencapai kemakmuran dan kesejahteraan, setiap bangsa di dunia memerlukan sebuah kerajaan atau pemerintahan berbentuk beraja ataupun melalui pemerintahan tradisi. Namun, kerajaan yang dibina tidak dapat berjalan dengan lancar sekiranya tiada bantuan daripada kakitangan bawahan untuk melancarkan pelbagai urusan pentadbiran. Kenyataan membuktikan tentang peranan pembesar Melayu selain dari menguruskan hal ehwal negeri, turut dipertanggungjawabkan melaksanakan amanah seseorang raja.

### **Pemberian AmanahRaja kepada Bakal Pengganti Raja**

Pemerintahan tradisi kerajaan Melayu Melaka dikatakan berasal dari keturunan Raja Iskandar Zulkarnain. Menurut Norazimah Zakaria (2012: 10) perkembangan pemerintahaan kerajaan Melayu Melaka adalah berasal daripada zuriat Iskandar Zulkarnain iaitu seorang raja yang terkenal dengan kehebatannya. Perkembangan keturunan baginda adalah bermula dari perkahwinan baginda dengan puteri Raja Kida Hindi. Dari perkahwinan tersebut, terbentuk jurai keturunan Raja Suran yang seterusnya menghasilkan keturunan raja-raja Melaka (Norazimah Zakaria, 2012: 11). Kenyataan tersebut sememangnya terungkap melalui gambaran penceritaan dalam naskhah SS. Justeru, dari keturunan baginda lahirlah sejarah pemerintahan raja-raja Melaka sehingga berjaya membentuk kerajaan Melayu Melaka. Menurut Zainal Abidin Abdul Wahid (1983: 101) raja pada zaman kesultanan Melayu

Melaka berketurunan Iskandar Zulkarnain iaitu seorang penguasa yang terpenting sehingga munculnya agama Islam di Melaka. Dengan pegangan terhadap ajaran Islam, kepimpinan kerajaan Melayu Melaka mengamalkan sistem autokrasi yakni pemerintahan mutlak yang telah menetapkan kuasa pemerintahan dipilih berdasarkan keturunan raja-raja Melayu.

Sehubungan itu, bagi memastikan keberlangsungan kepimpinan kerajaan Melayu Melaka, raja yang memerintah telah memilih bakal pengganti raja yang seterusnya. Pemilihan tersebut adalah berdasarkan amanah yang diberikan oleh raja kepada pembesar agar menabalkan raja Melaka yang baru sebagai pengganti sebagaimana perbincangan sebelumnya. Dalam konteks huraihan dan perbincangan ini pula, raja turut memberi amanah kepada bakal pengganti raja mengenai urusan pemerintahan. Dalam hal tersebut, fokus utama pemberian amanah tersebut berhubung dengan sikap seorang raja dalam menjalankan sesebuah pemerintahan. Menerusi naskhah SS, amanah tersebut telah diberikan oleh Sultan Mansur Syah dan Sultan Alau'd-Din Riayat Syah kepada bakal pengganti raja Melaka.

Pada permulaannya, amanah telah diberikan oleh Sultan Mansur kepada anakanda baginda Raja Hussin (Sultan Alau'd-Din Riayat Syah). Amanah yang berbentuk nasihat menekankan soal peranan dan sikap yang harus ditonjolkan oleh seorang raja agar dapat menjadi seorang pemimpin yang adil dan bertanggungjawab dalam pemerintahan yang bakal dipimpin kelak. Berikut adalah bukti pemberian amanah Sultan Mansur Syah kepada Raja Hussain.

*...Adapun peninggalan aku ini, hei anakku, hendaklah engkau berbuat adil sangat-sangat, dan jangan engkau mengambil hak orang tiada sebenarnya. Makan haqu 'l-adam terlalu besar dosanya, tiada diampuni Allah subhanahu wa taala; melainkan dengan izin yang empunya hak juga; dan jangan khali engkau keluar dihadap orang, kerana hamba Allah sekaliannya banyak berserah kepadamu; jikalau kesukaran baginya, hendaklah segala yang kesakitan itu segera engkau tolong; jikalau teraniaya ia hendaklah engkau periksa ia baik-baik, supaya di akhirat jangan diberatkan Allah atasmu...*

(Sulalatus Salatin, 2008: 172)

Berdasarkan petikan di atas, Sultan Mansur Syah memberi amanah kepada Raja Hussain agar menjadi seorang raja yang adil, membantu rakyat dalam kesusahan dan memeriksa kebenaran terhadap sesuatu perkara.

Dalam konteks pemberian amanah tersebut, senarai pesanan atau nasihat yang diberikan adalah untuk menjaga serta melindungi rakyat yang bernaung di bawah kekuasaan raja Melaka. Walaupun raja adalah ketua yang memegang tumpuk pemerintahan, raja tetap bertanggungjawab di atas perkara yang melibatkan rakyat agar wujudnya keharmonian dalam kalangan rakyat yang dipimpinnya. Seiring dengan kandungan amanah yang diberikan oleh Sultan Mansur Syah, Idris Zakaria (2014: 28) menyatakan bahawa walau apa pun kedudukan dan falsafahnya,

ketua atau pemimpin merupakan individu yang diberi kepercayaan untuk menguruskan hal ehwal negara dan kemasyarakatan agar rakyat dapat hidup dalam keadaan aman tanpa diganggu sebarang konflik atau kekacauan. Justeru, pemimpin memainkan peranan penting dalam memastikan amanah yang berkaitan dengan cara serta kaedah kepimpinan dilaksanakan dengan sebaiknya yang akan memberi kepentingan kepada rakyat serta kerajaan di bawah tumpuk pemerintahan seseorang raja.

Dalam hubungan ini, Sultan Alau'd-Din Riayat Syah adalah individu yang bertanggungjawab untuk melaksanakan amanah daripada Sultan Mansur Syah. Perlaksanaan amanah tersebut sama ada dilaksanakan atau sebaliknya berpandukan sikap Sultan Alau'd-Din Riayat Syah dalam memerintah kerajaan Melaka yang tergambar dalam naskhah SS. Berikut adalah jadual 1 yang menunjukkan peristiwa yang berlaku dalam naskhah SS mengenai sikap dan tindakan Sultan Alau'd-din Riayat Syah sepanjang memegang tumpuk pemerintahan yang bersesuaian dengan amanah yang telah diberikan oleh Sultan Mansur Syah.

Jadual 1: Pemberian dan Perlaksanaan Amanah Sultan Mansur Syah kepada Sultan Alau'd-Din Riayat Syah

Amanah	Halaman	Perlaksanaan	Halaman
Berlaku adil	172	- Bersikap adil dalam menjatuhkan hukuman terhadap pencuri mengikut ketetapan hukum Islam dan hukum adat yang telah diperuntukkan	174/175
Membantu masyarakat dalam kesusahan	172	- Membantu kerajaan Pasai yang telah diserang oleh Haru kerana kerajaan Pasai adalah di bawah jajahan Melaka - Memberi perlindungan kepada raja Maluku kerana negeri baginda telah dikalahkan oleh Kastilan	176 179-180
Memeriksa sesuitau perkara yang berlaku	172	- Menuntut bela di atas kematian Telanai Terengganu yang dihukum bunuh oleh raja Pahang kerana tindakan Telanai Terengganu menyembah raja Melaka - Menghantar utusan ke Siak untuk menyelesaikan masalah berkaitan raja Siak yang mengarahkan Tun Jana Pakibul membunuh rakyat tanpa memberitahu kepada raja Melaka terlebih dahulu	182 184

Jadual 1 menggambarkan peristiwa berkaitan keprihatinan Sultan Alau'd-Din Riayat Syah mengenai permasalahan yang berlaku dalam negeri Melaka. Sikap prihatin turut ditunjukkan bagi melindungi jajahan kerajaan Melaka yang lain seperti Pahang, Siak dan Pasai. Justeru, sikap keprihatinan dilihat mendominasi era kepimpinan baginda yang dilihat sinonim dengan tuntutan amanah yang diberikan oleh Sultan Mansur Syah.

Seterusnya, tradisi pemberian amanah kepada bakal pengganti raja telah diteruskan oleh Sultan Alau'd-Din Riayat Syah di akhir-akhir pemerintahan baginda. Pemberian amanah tersebut selaras dengan pemberian amanah Sultan Mansur Syah kepada baginda iaitu mengenai sikap yang perlu diamalkan oleh seseorang pemimpin dalam pemerintahannya. Oleh itu, kesan langsung pemberian amanah daripada ayahandanya, Sultan Alau'd-Din Riayat Syah telah memberikan amanah kepada anakandanya Raja Mamad dengan membawa gelaran Sultan Mahmud Syah. Berikut adalah petikan naskhah SS mengenai amanah yang telah diberikan kepada Raja Mamad:

*... "Hey anakku, adapun engkau hendaklah banyak-banyak sabar dan ampunmu akan segala hamba sahayamu dan baik-baik memeliharaikan hamba sahayamu...*

*...Dan jikalau datang kepada dua pekerjaan, suatu pekerjaan Allah, dan suatu pekerjaan dunia, maka dahulukan olehmu pekerjaan Allah daripada pekerjaan dunia...*

*Dan segala anak Melayu bagaimanapun besar dosanya janganlah diaifi dia dan sampai kepada hukum syarak dosanya derhaka, bunuhlah kerana segala Melayu itu ketahananu...*

*...Jikalau engkau bunuh ia tiada dengan dosanya bahawa kerajaanmu binasa...*

*(Sulalatus Salatin, 2008: 186-187)*

Berdasarkan petikan tersebut, raja menasihati bakal pengganti raja agar sentiasa bersabar, menjadi pemimpin yang bersifat pengampun, mendahulukan hal akhirat dari dunia serta adil dalam menjatuhkan hukuman. Baginda turut memberi peringatan kepada Raja Mamad bahawa kerajaan akan binasa sekiranya raja membunuh tanpa dosa (kesalahan).

Walau bagaimanapun, berbeza dengan sifat dan sikap Sultan Alau'd-Din Riayat Syah, Sultan Mahmud Syah didapati telah banyak melanggar amanah yang diberikan sepanjang pemerintahan baginda. Pada peringkat awal kepimpinan lagi, naskhah SS telah menggambarkan corak kepimpinan zalim yang diamalkan oleh Sultan Mahmud Syah. Hal ini dibuktikan apabila baginda telah menjatuhkan hukuman bunuh kepada rakyat walaupun tidak melakukan kesalahan yang berat.

*Arakian tiada berapa lama baginda kerajaan, ada seorang orang salah di bawa mengadap kerajaan baginda, salahnya pun tiasa apa bahananya, maka oleh Seri Maharaja disuruhnya bunuh, maka dibunuh oranglah...*

*(Sulalatus Salatin, 2008: 187)*

Bentuk pemerintahan yang dijalankan oleh Sultan Mahmud Syah telah membuktikan pertentangan pemberian amanah oleh Sultan Alau'd-Din Riayat Syah. Pertentangan ini sekali gus menunjukkan bahawa undang-undang berkaitan amanah yang diberikan oleh Sultan Alau'd-Din Riayat Syah tidak dilaksanakan oleh Sultan Mahmud Syah.

Selain peristiwa tersebut, jadual 2di bawah menyenaraikan sikap Sultan Mahmud Syah dalam pemerintahan baginda yang dilihat telah melanggar amanah Sultan Alau'd-Din Riayat Syah.

**Jadual 2: Pemberian dan Perlaksanaan Amanah Sultan Alau'd-Din Riayat Syah kepada Sultan Mahmud Syah**

Amanah	Halaman	Perlaksanaan	Halaman
Banyakkan bersabar	186	Tidak menyelidik terlebih dahulu berita mengenai fitnah kepada pembesar	257
Menjadi pemimpin yang bersifat pengampun	186	Tidak mengampuni kesalahan Tun Ali Sandang kerana merampas wanita kesukaan baginda	194
Mendahulukan hal akhirat dari dunia	186	- Suka berzina - Membenarkan rakyat meminum arak	193, 194 246
Adil dalam menjatuhkan hukuman	187	- Menjatuhkan hukuman bunuh kepada rakyat walaupun tidak melakukan kesalahan besar - Menjatuhkan hukuman bunuh kepada Raja Zainal kerana cemburu	187 235-236
Membunuh tanpa dosa akan membinasakan kerajaan	187	Membunuh keluarga Bendahara Tun Mutahir	258

Berdasarkan jadual 2, kajian mendapati bahawa amanah Sultan Alau'din Riayat Syah tidak dilaksanakan oleh Sultan Mahmud Syah apabila kandungan amanah dilihat bertentangan dengan pelaksanaannya. Perlanggaran amanah tersebut dikaitkan dengan personaliti negatif Sultan Mahmud Syah dalam pemerintahan sehingga menyumbang pada kebinasaan kegemilangan kesultanan Melayu Melaka. Dalam semua keadaan tersebut, nafsu Sultan Mahmud Syah dalam

pemerintahan telah melemahkan negeri Melaka sehingga diserang Portugis (Mulaika Hijas, 2010: 257).

### **Pemberian AmanahPembesar kepada Raja**

Selain daripada golongan raja, golongan pembesar istana juga didapati turut memberikan amanah. Dalam konteks perbincangan ini, amanah dikesan telah diberikan oleh Bendahara kepada raja Melaka. Bendahara memainkan peranan besar dalam kerajaan Melaka yang menunjukkan ketinggian kedudukannya dalam hierarki para pembesar. Menurut Muhammad Yusoff Hashim (1989: 167) Bendahara adalah pemilik wibawa fizikal yang terbesar dalam kalangan pembesar Melaka dalam hierarki pentadbiran. Selain itu, kedudukan tertinggi Bendahara dalam tatatingkat pembesar Melaka menunjukkan bahawa Bendahara adalah individu yang begitu dekat dengan raja. Hal ini kerana, Bendahara menjadi tempat rujukan oleh raja serta dipandang tinggi oleh orang kebanyakan. Hakikat tersebut mengukuhkan lagi kedudukan Bendahara yang memikul tanggungjawab yang besar dalam melancarkan sistem pentadbiran kerajaan Melaka. Hal ini dibuktikan apabila Hooker, V.M (2003: 68) menyatakan bahawa naskhah SS memberi perhatian kepada Bendahara sebagaimana yang ditumpukan kepada raja untuk menunjukkan peranannya yang sangat penting dalam sejarah kesultanan Melayu.

Sehubungan itu, kepentingan Bendahara dalam kerajaan Melayu Melaka dikuatkan lagi dengan peranan Bendahara Paduka Raja Tun Perak dalam menyampaikan amanah. Amanah yang disampaikan dipandang tinggi keranaamanah tersebut ditujukan kepada raja Melaka yang mempunyai kedudukan yang lebih tinggi berbanding Bendahara. Dalam hal ini, Bendahara telah memberikan amanah kepada Sultan Mahmud Syah ketika baginda datang menziarahi beliau yang sedang sakit. Berikut adalah petikan naskhah SS berkenaan amanah yang telah disampaikan oleh Bendahara Paduka Raja Tun Perak kepada Sultan Mahmud Syah.

*“...Hendaklah tuanku jangan dengar-dengaran akan sembah orang yang tiada sebenarnya; jikalau tuanku dengar-dengaran akan kata orang yang fitnah, akibat tuanku menyesal kelak. Bahawa yang kehendak nafsu itu daripada was-was syaitan ‘alaahi ’l-la’anat. Banyak raja-raja yang besar-besaran dibinasakan Allah kerajaannya, sebab menurutkan hawa nafsu syaitan.”*

(Sulalatus Salatin, 2008: 191)

Berdasarkan petikan, kajian mendapati bahawa kandungan amanah dilihat selaras dengan amanah yang diberikan oleh raja kepada bakal pengganti raja. Amanah tersebut merupakan nasihat kepada raja agar jangan mendengar nasihat yang tidak benar, jangan mendengar fitnah dan jangan mengikut hawa nafsu. Bendahara menyatakan bahawa raja-raja besar akan dibinasakan Allah S.W.T kerana menurut hawa nafsu syaitan (Zainal Abidin Borhan, 2014: 126). Oleh itu,

amanah yang berbentuk nasihat itu merupakan aspek penting dalam menjaga peradaban Melayu agar tidak dibauri dengan anasir-anasir yang berunsur negatif.

Menyentuh tentang perlaksanaan amanah, kajian mendapati bahawa amanah pemberian kepada raja tidak dilaksanakan dalam naskhah SS. Sultan Mahmud Syah didapati banyak melakukan perbuatan negatif yang bertentangan dengan sifat dan sikap seorang pemimpin. Berikut adalah jadual 3 yang menunjukkan amanah yang tidak dilaksanakan oleh Sultan Mahmud Syah.

Jadual 3: Pemberian dan Perlaksanaan Amanah Bendahara Paduka Raja Tun Perak kepada Sultan Mahmud Syah

Amanah	Halaman	Perlaksanaan	Halaman
Jangan mendengar fitnah	191	- Mendegar fitnah Raja Mendaliar kepada Bendahara Tun Mutahir bahawa Bendahara ingin menggulingkan kerajaan baginda	256-257
Jangan mengikut nafsu semata-mata	191	- Bermukah dengan isteri Tun Biajid - Pergi ke rumah Tun Dewi untuk melepaskan nafsu - Berkehendakkan Puteri Gunung Ledang yang berbeza dengan isteri raja yang lain - Menginginkan Tun Teja, tunang kepada Sultan Abdul Jamal - Mahukan Tun Fatimah sehingga sanggup membunuh bapa dan suami Tun Fatimah	193 194 212-215 224-225 258-259

Berdasarkan jadual 3 tersebut, kajian mendapati bahawa amanah yang diberikan oleh Bendahara tidak dilaksanakan oleh Sultan Mahmud Syah. Baginda didapati banyak melakukan perbuatan negatif yang bertentangan dengan sikap seorang pemimpin yang disarankan oleh Bendahara Paduka Raja. Dalam hal ini, Sultan Mahmud Syah didapati sering mengikut hawa nafsu, melakukan penindasan, kezaliman dan ketidakadilan dalam pemerintahan Melaka sehingga meminggirkan tuntutan agama Islam. Menurut Haron Daud (2008: 68) walaupun digambarkan terdapat para alim ulama yang datang mengajar ilmu agama di Melaka, namun sikap dan perbuatan Sultan Mahmud Syah menggambarkan baginda seorang raja yang bersifat kejam, zalim serta mementingkan hawa nafsu.

Lanjutan itu, sikap Sultan Mahmud Syah sememangnya bertentangan dengan amanah yang diberikan oleh Bendahara Paduka Raja Tun Perak. Selain dari pelanggaran terhadap amanah Bendahara, sikap baginda dalam pemerintahan menunjukkan perlanggaran terhadap amanah daripada ayahanda Sultan Alau'd-Din

Riyat Syah. Hal ini kerana, tanggungjawab baginda sebagai penerima amanah untuk menunaikan amanah yang diberikan tidak dilaksanakan. Dalam hubungan ini, sikap Sultan Mahmud Syah yang melanggar amanah Bendahara dikategorikan sebagai pemimpin yang khianat. Surah al-Anfal ayat 27 melarang manusia menghinati amanah sebagaimana petikan al-Quran yang berikut.

*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (juga) janganlah kamu mengkhianati amanah yang dipercayakan kepadamu, sedang kamu mengetahui.*

(Al-Quran Terjemahan, 2011: 180)

Larangan terhadap mengkhianati pemberian amanah terutama dalam institusi kepimpinan bertujuan menjaga kemaslahatan rakyat. Hal ini kerana, segala bidang kehidupan manusia seperti agama, politik, ekonomi dan sosial akan mendapat bimbingan dan petunjuk daripada para pemimpin. Bimbingan yang diperoleh dapat membawa manusia pada tujuan dan matlamat yang sebenar iaitu kebahagian dan kesempurnaan dunia dan akhirat (Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, 2014: 56). Justeru, harapan tersebut dapat direalisasikan sekiranya pemimpin menunjukkan akhlak yang baik sesuai dengan tuntutan amanah dan perkara sebaliknya berlaku sekiranya pemimpin mengabaikan pemberian amanah.

## DAPATAN

Berdasarkan perbincangan yang telah dilakukan, dapatan menunjukkan bahawa perlaksanaan amanah dalam naskhah SS bukan semuanya dilaksanakan. Dapatan tersebut adalah disebabkan oleh amalan serta sikap yang diamalkan oleh seseorang raja yang memerintah. Sikap raja dalam pemerintahan adalah berbeza antara satu sama lain yang menjadi tunjang terhadap corak pemerintahan setiap raja. Raja yang adil akan melaksanakan amanah yang diberikan dengan sebaiknya, manakala raja yang zalim akan mengabaikan amanah demi memenuhi kepuasan peribadi. Situasi tersebut jelas menggambarkan bahawa sifat adil dan zalim dilihat mewarnai corak pemerintahan raja-raja Melayu walaupun kezaliman ke atas rakyat adalah penyebab kemusnah dan kejatuhan sebuah kerajaan (Muhd Norizam Jamian et. al., 2017: 75). Justeru, pelaksanaan sesuatu amanah sangat dipengaruhi oleh sikap, sifat, etika dan akhlak setiap raja sama ada mengamalkan pemerintahan yang adil maupun zalim.

Lantaran itu, berikut dikemukakan jadual 4 yang menunjukkan dapatan keseluruhan perlaksanaan amanah dalam naskhah SS sebagaimana hurai dan perbincangan yang telah dijelaskan.

#### Jadual 4: Perlaksanaan Pemberian Amanah

Pemberian Amanah	Perlaksanaan	
	Dilaksanakan	Tidak Dilaksanakan
Pemberian amanah raja kepada pembesar	/	
Pemberian amanah raja kepada bakal pengganti raja	/	/
Pemberian amanah pembesar kepada raja		/

Berdasarkan perbincangan, jadual 4 menunjukkan dapatan kajian terhadap perlaksanaan amanah mengikut jenis-jenis pemberian amanah yang terdapat dalam naskhah SS. Dalam hal ini, dapat dirumuskan bahawa pemberian amanah raja kepada pembesar dilaksanakan, pemberian amanah raja kepada bakal pengganti raja ada yang dilaksanakan dan tidak dilaksanakan mengikut pada sikap yang diamalkan oleh setiap raja yang berbeza dan pemberian amanah pembesar kepada raja tidak dilaksanakan dalam naskhah SS.

#### RUMUSAN

Berdasarkan perbincangan dan dapatan terhadap perlaksanaan amanah dalam naskhah SS, hasil penelitian mendapati bahawa bukan semua amanah yang diberikan dilaksanakan. Hal ini kerana, wujud pengabaian terhadap pelaksanaan amanah oleh penerima amanah dalam sistem beraja pada zaman kesultanan Melayu Melaka. Situasi tersebut boleh dikaitkan dengan sikap dan akhlak penerima amanah yang membelaikan hukum Islam dalam sistem pentadbiran kerana amanah yang diberi dikesan bertunjangkan keteguhan terhadap hukum Islam. Di samping itu, pemimpin sebagai penerima amanah dikesan memanipulasi kedudukannya dengan mengambil kesempatan di atas kelemahan golongan bawahan sehingga mengabaikan amanah yang diberikan. Situasi tersebut telah melemahkan sistem pentadbiran kerajaan Melayu Melaka apabila pemimpin tidak menjaga akhlak dengan sebaiknya. Justeru, penerima amanah perlu menjaga tingkah laku selaras untuk melaksanakan amanah yang diberikan terutama berkaitan dengan soal kepimpinan kerana pengabaianya boleh mendorong impak negatif terhadap kerajaan Melayu.

#### BIBLIOGRAFI

- A. Samad Ahmad (Peny.). (2008). *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
*Al-Quran Terjemahan*. (2011). Kuala Lumpur: Media Digital Printing Sdn. Bhd.

*Perlaksanaan Amanah Dalam Naskhah Sulalatus Salatin  
Salihahs bintiRazak, Arba 'ie bin Sujud, Salmah Jan binti Noor Muhammad & Adi Yasran  
bin Abdul Aziz*

- Andi Mohamad Zulkhairi Muhamad. (2015). Konsep Amanah dalam Pengurusan Islam dari Sudut Maqasid Syariah (Penjagaan Harta). Prosiding *Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah*. (1-9). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Badruddin Ibrahim. (2009). Konsep Amanah di dalam Perundangan Islam. Akmal Hidayah Halim et. al. (Peny.), *Undang-Undang Harta dan Amanah* (125-135). Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Haron Daud. (2008). *Sulalat-us Salatin*: Landasan Kehancuran Negara Kota Melaka?. Abdul Rahman Haji Ismail dan Haron Daud (Peny.) *Sulalat-us Salatin (Sejarah Melayu) Cerakinan Sejarah, Budaya dan Bahasa* (57-70). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Haron Din et. al. (1997). *Manusia dan Islam*. Jilid 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hooker, V.M. (2003). *A Short History of Malaysia Linking East and West*. Australia: Allen dan Unwin.
- Idris Zakaria. (2014). Persetiaan Raja, Kerajaan dan Rakyat daripada Perspektif Islam. Prosiding *Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu Rakyat, Raja dan Kerajaan*. (23-54). Kuala Lumpur: Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri.
- Mohammad Iqbal Ghazali ed. (2009). *Amanah*. Indonesia: Islam House.
- Muhammad Yusoff Hashim. (1989). *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Yusoff Hashim. (1996). Wira dalam Konteks Patriotisme Zaman Kesultanan Melaka. Abdul Latiff Abu Bakar (Peny.), *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia* (9-29). Universiti Malaya: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Muhd Norizam Jamian et.al. (2017). Keadilan Teras Kepimpinan Raja-Raja Melayu: Dari Era Tradisi ke Kontemporeri. *Jurnal Melayu*, 16(1): 62-81.
- Mulaika Hijjas. 'The Legend You Thought You Knew': Text and Screen Representations of Puteri Gunung Ledang. *South East Asia Research*, 18(2): 245-270.
- Musa Awang. (2015). Di Manakah Kita dalam Pemantapan Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah. *Kanun*, 27(1): 55-84.
- Nazri Muslim. (2014). Institusi Raja-Raja Melayu: Peranannya dalam Memelihara Kedudukan Islam dari Sudut Perlembagaan. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 2(2): 121-127.
- Nik Zamry. Unsur Wasiat dalam *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*. (10 Ogos 2011). <http://kmtpointan.blogspot.com/2011/08/unsur-wasiat-dalam-sulalatus-salatin>. Diakses pada (3 Mac 2017).
- Norazimah Zakaria. (2005). *Sejarah Melayu*: Sebuah Genre Sintesis yang Baik Bagi Memenuhi Tuntutan Moral Islam dan Aspek Pengawalan Politik. *Jurnal Pengajaran Melayu*, (16): 319-334.

- Norazimah Zakaria. (2012). Unsur Tipainduk dan Mitos dalam Teks Pilihan. *Jurnal Peradaban Melayu*, 1-16.
- Sitiba Darwis. Sifat Amanah. (5 September 2013). <https://www.takafulumum.co.id/upload/tausiah/007%2520sifat%2520amana h.pdf&ved>. Diakses (30 Mac 2017).
- Syed Ahmad Syed Kasim et. al. (2012). *Melaka di sinilah Segala-galanya Bermula*. Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn.
- Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali. Hubungan Raja dengan Rakyat: Suatu Telaah Terhadap *Taj al-Salatin* dari Perspektif Pemikiran Islam. Makalah dibentangkan dalam *Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu Rakyat, Raja dan Kerajaan*. Anjuran Lembaga Peradaban Melayu (ADAB), 19 hingga 20 November 2014.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. (1983). Power and Authority in the Melaka Sultanate: the Traditional View. Sandhu Kernial Singh and Wheatley Paul (Peny.), *Melaka: The Transformation of a Malay Capital c. 1400-1980 Volume One* (101-112). Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Zainal Abidin Borhan. (2014). Waad, Wasiat dan Nasihat dalam *Sulalat al-Salatin: Iktibar untuk Kepimpinan Melayu*. Prosiding *Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu Rakyat, Raja dan Kerajaan*. (116-128). Lembaga Peradaban Melayu (ADAB).